

INFO@HEPA

SEJARAH PENUBUHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Universiti Malaysia Perlis, UniMAP (dahulu dikenali sebagai KUKUM) ditubuhkan sebagai sebuah IPTA yang ke 17 pada 25 Julai dengan tujuan melahirkan jurutera berkemahiran tinggi bagi memenuhi dan menyokong pelan industri negara, selain memberi alternatif kepada pelajar yang cenderung kepada pembelajaran secara praktis. Pada 2 Mei 2002, UniMAP mula beroperasi di kampus sementara di Kubang Gajah, Arau Perlis dan telah menerima pelajar sulung bagi sesi akademik 2002/3 seramai lebih kurang 116 orang pada 20 Jun 2002. Pada 1 Februari 2007 KUKUM telah dikenali sebagai UniMAP bagi proses penjenamaan semula universiti. Misi UniMAP ialah Melahirkan modal insan kamil yang menyumbang kepada pembangunan dan daya saing industri negara. Bidang keutamaan UniMAP adalah kejuruteraan berdasarkan elektronik dan bidang kejuruteraan serta teknologi lain yang berkaitan dengannya dan menyokong industri elektronik. Sehubungan dengan itu, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) ditubuhkan mengikut peruntukan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 melalui Seksyen 52 yang mengiktiraf MPP sebagai badan induk mahasiswa. Antara fungsi MPP adalah seperti berikut :-

1. Untuk memupuk semangat hidup bepersatu di kalangan pelajar-pelajar universiti;
2. Tertakluk kepada arahan Naib Canselor, untuk merancang dan menyelia kemudahan kebajikan pelajar di universiti termasuk kemudahan rekreasi, aktiviti kerohanian dan keagamaan, dan bekalan makanan dan minuman;
3. Membuat representasi kepada Naib Canselor mengenai segala perkara yang berhubung dengan, atau berkaitan dengan keadaan tempat tinggal dan kehidupan pelajar-pelajar universiti;
4. Untuk diwakili dalam mana-mana badan yang boleh mengikut kaedah-kaedah yang dibuat oleh lembaga bagi maksud itu, dilantik untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kebajikan pelajar di universiti;
5. Untuk menjalankan apa-apa aktiviti lain yang ditentu kan oleh lembaga dari semasa ke semasa

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS



Perlantikan pertama barisan kepimpinan yang menerajui MPPKUKUM Sidang Akademik 2003/2004 memilih saudari Siti Salwa Binti Mat Isa selaku Yang Di pertua yang pertama sekaligus sebagai barisan perintis kepimpinan KUKUM pada masa itu. Perjuangan MPP KUKUM Sidang Akademik 2004/2005 diteruskan dengan tumpuk kepimpinan yang baru di bawah penerajuhan saudari Norfarrah Lisa Binti Mohamed Nasir selaku Yang Di pertua yang kedua Kesinambungan MPPKUKUM diteruskan lagi bagi Sidang Akademik 2005/2006 dengan pemilihan saudara Syed Akhmal Bin Syed Jamalil selaku Yang Dipertua yang ketiga. Seterusnya perjuangan MPP KUKUM diteruskan oleh saudari Syarifah Nor Salwa Binti Syed Awaly sebagai Yang Dipertua yang keempat bagi Sidang Akademik 2006/2007. Pada 26 September 2007 sehingga 2 Oktober 2007 menyaksikan pilihanraya kampus di mana calon proaspirasi diisytiharkan menang tanpa bertanding di kesemua 23 kerusi yang dipertandingkan. Barisan kepimpinan MPP UniMAP bagi Sidang Akademik 2007/2008 diketuai oleh saudara Mohd Alwie Bin Syaiful Yapp sebagai Yang Di pertua yang kelima.